



## SIARAN MEDIA

### 38,752 UNIT PERUMAHAN SWASTA SAKIT DAN TERBENGKALAI BERJAYA DIPULIHKA

---

**KUALA LUMPUR, 1 NOVEMBER 2023** - Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir meneruskan fokus pemantauan terhadap Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai melalui sesi lawatan kerja ke dua tapak projek Rumah Residensi Wilayah iaitu **Residensi Wilayah Hijauan Pantai di Pantai Dalam dan Residensi Salak Selatan di Salak Selatan** pagi ini.

**Residensi Wilayah Hijauan Pantai** dimajukan oleh pemaju Impero Land Sdn. Bhd. dan Residensi Salak Selatan dimajukan oleh pemaju Surrealist Communities (M) Sdn. Bhd. Kedua-dua projek ini merupakan program di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan (JPW) yang dibangunkan oleh pemaju swasta. **Residensi Wilayah Hijauan Pantai dijangka akan mengalami kelewatan selama 10 bulan** yang disebabkan oleh **perubahan lokasi jalan keluar utama yang menghubungi Lebuhraya Baru Pantai (NPE)**. Menurut pemaju Impero Land Sdn. Bhd., **kemajuan projek ini adalah 31.2 peratus berbanding jadual 94 peratus**.

Manakala bagi **Residensi Wilayah Salak Selatan**, projek ini merupakan **projek sakit yang sepatutnya disiapkan pada bulan Ogos 2021**. Menurut pemaju Surrealist Communities (M) Sdn. Bhd., semua kerja struktur bangunan telah disiapkan sepenuhnya dan mereka sedang menyiapkan kerja-kerja kemasan dalaman, infrastuktur, mekanikal dan elektrikal. Kemajuan projek ini adalah 87.5 peratus berbanding jadual 100 peratus.

Menurut YB Akmal, "Terdapat sebuah lagi **pemajuan projek sakit** di bawah program Residensi Wilayah iaitu **Residensi Hektar Gombak** yang dimajukan oleh Hektar Aneka Sdn. Bhd. yang kini telah mencapai kemajuan sebanyak 84.75 peratus. Ini menjadikan jumlah projek lewat dan sakit di bawah program Residensi Wilayah sebanyak tiga (3) projek."

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berjaya mencapai kejayaan yang signifikan dalam pemulihan projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai. Mesyuarat *Task Force Projek Perumahan Swasta dan Terbengkalai* (TFST) Bil. 10 tahun 2023 yang telah diadakan pada 25 Oktober 2023, telah mengesahkan sehingga 30 September 2023 **sebanyak 301 projek (38,752 unit rumah) dengan nilai GDV sebanyak RM28.88 bilion telah berjaya dipulihkan.** Ini merangkumi sebanyak 293 projek (37,392 unit) daripada kategori sakit dan 8 projek (1,360 unit) daripada kategori terbengkalai.

Sehingga 30 September 2023, TFST telah merekodkan sebanyak **68 projek lewat** dan **476 projek sakit** manakala sebanyak **111 projek** telah disahkan **terbengkalai**. Semua projek lewat, sakit dan terbengkalai membawa **Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value, GDV)** sebanyak **RM79.03 bilion.**

TFST mengambil pendirian bahawa dalam tempoh pemaju menyiapkan pemajuan perumahan, kebijakan pembeli yang menjadi mangsa projek perumahan bermasalah adalah perlu dibela. Oleh yang demikian, TFST boleh mempertimbangkan supaya projek di bawah program perumahan Kerajaan atau Pihak Berkuasa Negeri seperti projek-projek ini dicadangkan supaya menerima manfaat daripada Dana Jaminan Khas berjumlah RM 1 bilion seperti yang diumumkan dalam Belanjawan Madani 2024 apabila diluluskan kelak.

TFST terus menjalankan pelbagai ikhtiar melalui semua sesi libat urus yang dijalankan yang diharapkan menjadi ruang untuk semua pihak meneliti dan mengenalpasti isu-isu utama yang menjelaskan industri perumahan di negara ini serta menyumbang pandangan dan cadangan yang bersesuaian di samping sesi pemantauan yang konsisten sama ada melalui kaedah turun tapak mahupun secara digital melalui sistem *Housing Integrated Management System (HIMS)*.

Selain daripada sesi pemantauan dan libat urus, KP KT juga merancang untuk mengadakan Seminar Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai pada 16 November 2023 bagi mewujudkan jalinan kolaborasi, pendekatan strategik dan perkongsian pengalaman pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam usaha pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai. Melalui seminar ini, pemaju-pemaju

perumahan, pemaju penyelamat serta pelikuidasi berpeluang berkongsi pengalaman, menyampaikan hala tuju baru serta penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dalam pemulihan usaha pemulihian projek-projek terbengkalai. Maklumat lanjut berkaitan seminar ini akan dimuatnaik melalui portal e-Home KPKT.

Tegas YB Akmal lagi, KPKT melalui TFST komited meneruskan agenda nasional dalam membantu pemulihan projek-projek perumahan swasta yang bermasalah sama ada dalam kategori lewat, sakit atau terbengkalai bagi memastikan kepentingan pembeli rumah terpelihara seterusnya mengurangkan beban rakyat.

#MalaysiaMadani  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity

---

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

